



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN RASMI MOTAC
BAGI INDUSTRI SPA DAN KESEJAHTERAAN

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) ingin menegaskan bahawa semua pelaksanaan program, pengiktirafan, pensijilan, penggredan, latihan serta penglibatan mana-mana pihak dalam **industri spa, Pusat Kesejahteraan (PKU) termasuklah Urutan Malaysia** adalah tertakluk sepenuhnya kepada garis panduan rasmi Kementerian yang sedang berkuat kuasa, termasuk:

- (i) Garis Panduan Penggredan Spa;**
- (ii) Garis Panduan Penggredan Pusat Kesejahteraan (PKU); dan**
- (iii) Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Urutan Malaysia.**

MOTAC mempunyai kuasa untuk pada bila-bila masa menilai semula, menarik balik, meminda atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan wajar terhadap mana-mana individu, premis, penyelaras, pelaksana atau pihak berkepentingan sekiranya didapati terdapat pelanggaran, percanggahan, salah representasi, ketidakpatuhan atau tindakan yang menjejaskan integriti dasar, piawaian profesionalisme, tadbir urus serta reputasi industri yang ditetapkan di bawah Kementerian.

Sehubungan itu, **mana-mana pihak adalah diingatkan supaya tidak mengeluarkan kenyataan, representasi awam, promosi atau tindakan yang bercanggah dengan dasar rasmi, syarat pelaksanaan, atau ketetapan yang telah ditetapkan oleh MOTAC.** Sebarang kenyataan atau tindakan sedemikian boleh dipertimbangkan untuk

tindakan sewajarnya selaras dengan kuasa pentadbiran, garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa.

MOTAC kekal komited memastikan pembangunan industri spa, kesejahteraan dan Urutan Malaysia dilaksanakan secara profesional, berintegriti, telus serta selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kesejahteraan rakyat, ihsan dan kemampuan industri.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
14 MEI 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel : 03-8891 7197 | Fax : 03-8891 7181

Laman web : www.motac.gov.my | E-mel : group.ukk@motac.gov.my

Media Sosial - Facebook, Instagram, X & TikTok : @mymotac

